

02 SEP 2000

Mahathir-Ekonomi/I

REJIM KAWALAN TUKARAN BERPILIH ADALAH UNTUK MALAYSIA PULIHKAN EKONOMI

Oleh: Mohamed Kamel Othman

CHICAGO, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata objektif utama Malaysia melaksanakan rejim kawalan tukaran berpilih pada September 1998 ialah bagi negara dapat mengawal semula ekonominya daripada spekulator dan manipulator matawang.

Perdana Menteri berkata langkah yang dilaksanakan telah dirancang dengan teliti bagi mengoptimumkan aspek positif globalisasi dan mengetepikan aspek negatif globalisasi.

Aspek positif globalisasi yang dikekalkan ialah kebebasan dalam perkara perdagangan antarabangsa dan pelaburan langsung asing (FDI), katanya dalam ucapan selepas menerima "Lifetime Achievement Award" daripada American Finance House, Lariba, di pusat budaya Islam Greater Chicago di Northbrook, di sini.

Dr Mahathir berkata rejim liberal yang mengawal transaksi perdagangan dan FDI tidak berubah.

Aspek negatif globalisasi yang diketepikan ialah pasaran luar pesisir bagi perdagangan Ringgit dan aliran bebas dana jangka pendek yang mudah menggugat ekonomi, katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia berupaya naik semula dengan formula itu kerana ia bersusah payah memahami bagaimana pasaran tukaran asing dilakukan.

"Kami menghabiskan masa mempelajari pasaran tukaran asing, konsep Ringgit luar pesisir, dorongan pedagang tukaran asing (tamak dan takut) dan mekanisme penentuan harga. Setelah kami memahami bagaimana pasaran tukaran asing berjalan, tidak suka untuk mencari penyelesaiannya bagi meneutralkan spekulator matawang."

Dr Mahathir berkata pada masa yang sama Malaysia juga menjalankan kajian menyeluruh tentang bagaimana Central Limit Order Book (CLOB), pasaran saham luar dapat berdagang dalam sekuriti Malaysia di Singapura.

Ini menimbulkan masalah dalam pasaran ekuiti Malaysia kerana berlaku banyak jualan singkat saham-saham Malaysia melalui CLOB di Singapura, katanya sambil menjelaskan bahawa memandangkan CLOB berada di luar bidang kuasa Malaysia, tiada apa yang dapat dilakukan untuk mengawalinya.

"Setelah kami memahami mekanismenya secara terperinci, kami berupaya menghalang CLOB pada September 1998," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata setelah langkah kawalan tukaran berpilih dilaksanakan dan CLOB ditutup, pasaran matawang dan saham, stabil semula.

Dr Mahathir berkata krisis matawang merupakan satu krisis yang tidak perlu dan tidak patut berlaku jika objektif sistem kewangan antarabangsa adalah benar-benar bagi memudahkan perdagangan dan interaksi ekonomi yang lain di antara negara-negara termasuk FDI.

"Tetapi kuasa besar kapitalis mahukan lebih daripada itu. Mereka juga mahu mempromosi agenda politik mereka dan disebabkan ini agenda politik yang bukan sahaja dibenarkan oleh sistem kewangan antarabangsa tetapi adakalanya malahan menggalakkan perdagangan matawang, satu kegiatan yang tidak diperlukan langsung, yang menghancurkan lebih banyak kekayaan daripada apa yang dilakukan oleh pedagang matawang sendiri yang tidak berprinsip."

-- BERNAMA

MKO RON